



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



PENJELASAN BERHUBUNG KENYATAAN KPM MENGENAI SYARAT PEMILIKAN EKUITI BUMIPUTERA

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertarikh 21 September 2026 mengenai penyelarasan syarat pemilikan institusi pendidikan swasta (IPS) bawah KPM.

MITI ingin menjelaskan bahawa pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai perkara ini.

Untuk penjelasan, perkara berkaitan dasar pemilikan ekuiti Bumiputera adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Ekonomi (EPU).

MITI berharap penjelasan ini dapat membantu memperbetul peranan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dalam perkara ini supaya maklumat yang disampaikan kepada pihak awam adalah tepat dan jelas.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
22 SEPTEMBER 2026



603-80008000



www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA

**MALAYSIA
MADANI**



PEMACU POTENSI GLOBAL